

Lebih 1,500 mangsa banjir berpindah di Pahang, Terengganu dan Johor

Tiga negeri mula banjir

KUANTAN - Hujan berterusan di kawasan pantai timur dan Johor menyebabkan sebanyak 1,518 mangsa banjir mula dipindahkan berikutan kawasan kediaman mereka dinaiki air semalam.

Di **Pahang**, hujan lebat di negeri itu sejak empat hari lalu menyebabkan daerah Kuantan dan Rompin dilanda banjir selepas paras air naik mendadak bermula pagi semalam.

Jurucakap Bilik Operasi Banjir Ibu Pejabat Polis Daerah Rompin berkata, lebih 296 penduduk mula dipindahkan sejak pukul 10 pagi melibatkan penduduk di tujuh buah kampung.

Menurut jurucakap itu, kawasan terlibat ialah Kampung Perpat, Kampung Kurnia, Kampung Kasing, Kampung Pianggu, Kampung Kerpai dan Kampung Paya Laka.

Di Kuantan, seramai sembilan mangsa dari Sungai Lembing dipindah ke Balai Polis Sungai Lembing pada pukul 6 petang semalam apabila paras air naik melebihi semeter.

Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Datuk Seri Muhammad Safian Ismail dalam satu kenyataan berkata, fenomena air pasang besar yang dijangka melanda kawasan ini di Kuantan, Belaga dan



SEBAHAGIAN bandar Kuantan kelihatan ditenggelami banjir di Jalan Tun Ismail, Kuantan malam tadi.

Rompin dalam beberapa hari ini dikhuatiri memburukkan keadaan.

Di **Johor**, seramai 1,035 mangsa banjir di Mersing dan Labis, Segamat dipindahkan ke pusat pemindahan banjir sementara berikutan hujan lebat yang melanda kawasan tersebut sejak awal pagi semalam.

Ketua Polis Daerah Mersing, Deputy Superintendan Zulkifli Hashim berkata, tiga penempatan yang ditenggelami air itu ialah Kampung



Banjir

Tenglu, Kampung Air Papan dan Kampung Air Tawar.

Katanya, kawasan Balai Polis Endau dan kawasan perumahan polis di situ turut dinaiki air sedalam dua meter.

Akibat banjir itu, bekalan elektrik turut terputus di daerah Tenggara petang semalam dan usaha-usaha membaik pulih bekalan sedang giat dilakukan.

Di Labis, Pengerusi Jawatankuasa Banjir Dewan Undangan No-



PENDUDUK membawa barangan keperluan semasa melintasi jambatan Sungai Charu yang dinaiki air di Jalan Kuantan-Sungai Lembing, Kuantan semalam.

geri Tenang, Mohd. Azahar Ibrahim berkata, sebanyak 114 mangsa daripada 23 buah keluarga di Kampung Sungai Gatom dan Kampung Usaha Jaya di dua buah pusat pemindahan banjir di situ.

Sementara itu, di **Terengganu**, jurucakap Bilik Gerakan Banjir Daerah Kemaman, berkata, sebanyak lima keluarga melibatkan 187 orang mangsa dari Kampung Teladas, Kampung Teluk Kalong, Kampung Batu 14 dan kampung Dadong terpaksa dipindahkan ke enam pusat pemindahan banjir.

INFO Jumlah mangsa dipindahkan (sehingga pukul 9 malam)

Pahang	-	296 orang
Johor	-	1,035 orang
Terengganu	-	187 orang

INFO Laluan ditutup/terjejas

PAHANG

1. Kilometer 28, Jalan Sungai Lembing, Kuantan
2. Batu 3, Jalan Kuantan-Gambang, Kuantan
3. Simpang tiga hadapan Wisma Belia dan Kolej Shahputra, Kuantan
4. Persimpangan Jalan Bukit Ubi, dekat Balai Bomba dan Penyelamat Kuantan

TERENGGANU

1. Jalan Sungai Pinang, Kemaman
2. Jalan Tasik Beku di Kampung Ibok dan Kampung Gajah, Kemaman
3. Jalan Ibok, Kijal, Kemaman
4. Jalan Kampung Paman, Chukai, Kemaman

JOHOR

1. Kilometer 48, Jalan Kahang-Mersing

INFO Bilik Gerakan Banjir

Pahang - Ibu Pejabat Kontinjen Polis Pahang
09-5052 222

Terengganu - Bilik Gerakan Banjir
09-8591 063

Johor - Balai Bomba Negeri (Operasi) **07-3409 891**